

## Atur cara

### Lawatan berpandu oleh Kurator

Khamis,  
24 April, 31 Julai dan 27 November  
7.30 hingga 8.30 malam  
\$25 (tempahan diperlukan)

### Straits Family Sunday – *Berbesaran!*

Ahad,  
8 Jun, 10 Ogos, 12 Oktober,  
14 Disember  
1 hingga 5 petang  
Percuma dengan tiket muzium

### PESTA MALAM SINGAPURA di Muzium Peranakan

Jumaat dan Sabtu,  
22 & 23 dan 29 & 30 Ogos  
Masuk percuma dari 6 petang hingga 2 pagi  
Aktiviti-aktiviti bermula dari 7 hingga 11 malam



Dewa untuk Panjang Umur, Shou, di atas burung upihnya

## Bacaan lanjutan

Inge McCabe Elliot. *Batik: Fabled Cloth of Java*. Hong Kong, 2010.

Fiona Kerlogue and Fulvio Zanettini. *Batik: Design, Style & History*. London, 2004.

Itie van Hout. *Batik Drawn in Wax: 200 years of Batik Art from Indonesia in the Tropenmuseum Collection*. Amsterdam, 2001.

Rens Heringa and Harmen C. Veldhuisen. *Fabric of Enchantment: Batik from the North Coast of Java*. Los Angeles, 1996.

John E. Vollmer. *Silks for Thrones and Altars: Chinese Costumes and Textiles*. Paris, 2004.

imej di atas:

**Kain ruang pemujaan: dewa di atas burung jenjang.** Jawa, pertengahan abad ke-20, Kain kapas (batik tulis), 100.5 x 101 sentimeter, Pemberian dari Matthew dan Alice Yapp

kulit muka depan:

**Kain ruang pemujaan: burung cenderawasih, naga-naga dan huruf-huruf.** Jawa, pertengahan abad ke-20. Kain kapas (batik tulis), 106 x 103 sentimeter. Pemberian dari Matthew dan Alice Yapp

## peranakan MUSEUM

39 Armenian Street, Singapore 179941

www.peranakanmuseum.org.sg • Hours: Daily 10am to 7pm • Friday 10am to 9pm

peranakan  
MUSEUM

# Corak-Corak Keramat

KAIN BATIK UNTUK RUANG PEMUJAAAN  
KAUM PERANAKAN





# Corak-Corak Keramat

KAIN BATIK UNTUK RUANG PEMUJAAAN  
KAUM PERANAKAN

Berwarna-warni dan imaginatif, kain batik untuk ruang pemujaan kaum Peranakan mengaitkan tradisi dan pengaruh asing. Kain-kain batik ini – yang dipanggil *tok wi* – digunakan untuk menghias bahagian hadapan ruang pemujaan ketika upacara khas. Kain-kain ini mencerminkan unsur-unsur ritual yang kuat dalam kehidupan kaum Peranakan Cina di Asia Tenggara. Secara tradisional, keluarga-keluarga Peranakan telah menggunakan kain-kain sulaman yang dihasilkan dari daerah selatan Cina. Namun pada awal abad ke-20, sebahagian daripada keluarga-keluarga di Indonesia telah mula menggunakan kain-kain batik tempatan.

Batik adalah kain yang telah dilukis dengan lilin, lalu dicelup dalam pewarna. Proses ini yang lebih dikenali sebagai *resist-dying*, berasal dari India dan kemudian diikuti oleh banyak kumpulan etnik di Jawa. Kain-kain batik *tok wi* ini yang dibuat di kawasan pantai utara Jawa, mempamerkan simbol-simbol tradisi Cina dan corak-corak dari Eropah dan Asia Tenggara. Pameran ini menumpukan kepada sekumpulan kain batik *tok wi* yang telah diderma khas oleh Encik Matthew dan Puan Alice Yapp ke Muzium Peranakan.

Pameran berlangsung hingga 28 Disember.

## Kain ruang pemujaan dalam konteks

Kain-kain ruang pemujaan digantung pada tempat pemujaan dewa rumah untuk Hari Raya Cina dan majlis-majlis khas. Kain-kain ini adalah sebahagian daripada tekstil mewah yang menghiasi dewan sambutan. Hiasan berpasangan menghiasi ambang pintu menuju ke seluruh rumah dan kerusi-kerusi yang mengapit meja pemujaan juga disalutkan dengan kain sulaman. Tekstil ini menandakan ruang suci dan adanya majlis khas.



### Kain ruang pemujaan

Jawa, pertengahan abad ke-20

Kain kapas (batik tulis), 104.8 x 104 sentimeter

Pemberian dari Matthew dan Alice Yapp

Corak pada kain ini menggambarkan Tiga Dewa Keberuntungan, *Fu*, *Lu* dan *Shou*, berdiri di atas jubin lantai seperti di dalam rumah-rumah Peranakan di Asia Tenggara. Pengadunan ketuhanan dan urusan rumah pada kain-kain ruang pemujaan sangat luar biasa. Bahagian di atas kain ini pula jelas kelihatan Lapan Orang Daim Taoisme.



## Asal-usul awal – kain bersulam dari Cina

Barangkali tekstil pertama yang digunakan kaum Peranakan untuk menghiasi ruang pemujaan mereka adalah kain sutera dari Cina. Simbol-simbol keramat daripada alam semula jadi, cerita-cerita dongeng, agama Buddha dan Taoisme yang menghiasi kain-kain ini merupakan sebahagian daripada bahasa bergambar yang difahami oleh khalayak ramai. Budaya visual ini yang sudah berakar dalam sejarah Cina yang panjang telah dibawa ke Asia Tenggara melalui pergerakan objek dan orang, dan sudah pasti mempengaruhi corak tekstil Asia Tenggara.



**Kain ruang pemujaan:  
Tiga Dewa Keberuntungan**  
Cina, awal atau pertengahan abad ke-20  
Kain sutera dengan sulaman emas  
98.2 x 112 sentimeter

Kain ruang pemujaan yang dibuat di Cina ini penuh dengan sulaman benang emas dan dihiasi dengan jumbai berwarna-warni. Reka bentuk Tiga Dewa Keberuntungan dan Lapan Orang Daim di atas, berlapis dan menonjol beberapa sentimeter dari permukaan. Gambaran haiwan-haiwan laut yang ditunggang orang-orang daim mencadangkan episod di mana mereka menyeberangi laut. Tema ini mungkin telah menarik perhatian masyarakat Cina di luar negeri atau mereka yang sedang bersedia untuk berhijrah ke tempat-tempat seperti di Asia Tenggara. Penggunaan begitu banyak benang emas mencadangkan bahawa ini adalah satu pesanan khas.

**Kain ruang pemujaan:  
sepasang naga**  
Jawa, pertengahan abad ke-20  
Kain kapas, 136 x 103 sentimeter  
Pemberian dari Matthew dan Alice Yapp

Naga-naga di sini menyerupai haiwan dongeng kaum Hindu-Buddha yang kelihatan seperti seekor ular dan sering digunakan dalam karya seni Asia Tenggara. Berdasarkan pemahaman berlainan antara warga Indonesia dan Cina mengenai rupa seekor naga, haiwan dongeng kaum Hindu-Buddha berkemungkinan telah menjadi rujukan visual untuk pembuat batik Indonesia.

## Naga-naga

Naga adalah makhluk yang paling berkuasa dalam mitologi Cina dan sering digunakan sebagai simbol maharaja. Namun, motif juga boleh menyampaikan pelbagai makna bergantung kepada konteks; contohnya naga boleh dikaitkan dengan maharaja atau simbol negara-negara Timur, seorang pengantin lelaki, prinsip *yang* atau kesemuanya sekaligus. Makhluk ini mempunyai pelbagai makna apabila digunakan dalam kain ruang pemujaan.



**Kain ruang pemujaan:  
naga memandang hadapan**  
Jawa, pertengahan abad ke-20  
Kain kapas, sulaman kapas, 107.3 x 103 sentimeter  
Pemberian dari Matthew dan Alice Yapp

Naga-naga yang menghadap ke depan dan terletak di atas corak gelombang yang abstrak mengenangkan hiasan jubah maharaja daripada dinasti Qing yang mempunyai sejarah yang panjang di Cina.



**Kain ruang pemujaan:  
naga dan burung cenderawasih bersemuka**  
Jawa, pertengahan abad ke-20  
Kain kapas, 96 x 91 sentimeter  
Pemberian dari Matthew dan Alice Yapp



## Haiwan-haiwan lain



### Kain ruang pemujaan: huruf-huruf Cina, qilin dan burung cenderawasih

Jawa, pertengahan abad ke-20  
Kain kapas (batik tulis)  
105.5 x 102.5 sentimeter  
Ditandatangani: Oeij Kie Hoat, Kedungwuni  
Pemberian dari Matthew dan Alice Yapp

*Qilin* adalah sejenis haiwan komposit yang berbadan kuda, bersisik ikan dan berkepala naga, tetapi ciri-cirinya sering berbeza. Dalam perlambangan Cina, *qilin* menggambarkan sifat-sifat kebajikan, panjang umur dan keturunan mulia.



### Kain ruang pemujaan: singa

Jawa, pertengahan abad ke-20  
Kain kapas (batik tulis)  
89 x 108 sentimeter  
Pemberian dari Mattew dan Alice Yapp

Singa menandakan kekuatan dan merupakan simbol perlindungan dalam agama Buddha. Corak-corak huruf di sempadan kain ini mungkin berdasarkan tera tulisan Cina purbakala. Tulisan ini susah dibaca tetapi berkemungkinan ia adalah huruf 壽 (*shou*), yang bermakna panjang umur. Corak ini menyerupai corak utama fret yang biasa digunakan untuk mengelilingi bahagian atas kain.

## Penggunaan ritual

Warna dan reka bentuk kain ruang pemujaan kadangkalanya dipilih khusus untuk digunakan semasa upacara tertentu. Contohnya semasa upacara pengebumian, warna tradisional berkabung iaitu hijau dan biru akan digunakan. Namun, pada Tahun Baru Cina dan majlis perkahwinan, kain berpasangan yang digunakan hanya semasa kedua-dua majlis ini akan menghiasi bahagian depan dan belakang ruang pemujaan *Sam Kai*.



### Kain ruang pemujaan: bunga-bunga dan burung cenderawasih

Jawa, pertengahan abad ke-20  
Kain kapas (peretakan saring), 105.8 x 109.5 sentimeter  
Pemberian dari Mattew dan Alice Yapp

Kain ini memaparkan elemen bunga yang serupa dengan corak-corak digemari ramai untuk sarong batik. Skema warna biru dan putih mencadangkan bahawa ia telah digunakan untuk ruang pemujaan nenek moyang atau ketika upacara pengebumian. Corak-corak disempadannya juga mempunyai lebih banyak bunga, berkemungkinan bunga peony atau bunga kekwa yang juga dikaitkan dengan perkabungan.